

---

## BAHAGIAN PERGIGIAN

---

## Bahagian Pergigian

---

### RINGKASAN EKSEKUTIF

Perkhidmatan pergigian diberikan percuma atau bayaran minima dengan objektif bagi memastikan semua penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mempunyai kesihatan mulut yang sempurna dan dapat berfungsi dengan berkesan. Perkhidmatan yang diberikan ialah Perkhidmatan Pergigian Primer dengan keutamaan kepada kanak-kanak pra-sekolah, murid sekolah, kakitangan kerajaan serta ibu mengandung dan Perkhidmatan Pergigian Kepakaran.

Hasil kerja yang diukur melalui indikator tertentu menunjukkan peningkatan dari tahun 2007 antara 1% sehingga 17%. Kesihatan mulut diukur dengan indikator tertentu juga menunjukkan peningkatan taraf kesihatan mulut penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Ini dapat dilihat dengan jelas dari status karies murid-murid sekolah di mana indeks min DMFX murid sekolah rendah hanya 0.4 sahaja dan bagi sekolah menengah pula hanya 0.8 sahaja. Dari segi prevalen karies terdapat penurunan dari tahun 2007 iaitu sebanyak 3.7% bagi murid berumur 12 tahun dan 2.5% bagi murid berumur 16 tahun. Kesihatan mulut yang baik ini adalah hasil dari usaha berterusan bahagian ini.

Bahagian Pergigian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya memberikan semua jenis perkhidmatan kepakaran klinikal iaitu ortodontik, periodontik, bedah mulut dan restoratif. Hasil kerja perkhidmatan kepakaran juga meningkat dalam tahun 2008 walaupun dengan bilangan pakar yang sama dengan tahun 2007.

Bagi meningkatkan lagi taraf kesihatan mulut penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Bahagian Pergigian juga menjalankan aktiviti pencegahan dan promosi seperti program sealan fisur, latihan memberus gigi kanak-kanak pra-sekolah dan murid sekolah, program pergigian guru pelatih, penjagaan pergigian ibu-ibu mengandung dan membuat program khidmat masyarakat.

Untuk memastikan kualiti perkhidmatan yang diberi kepada penduduk adalah tinggi, modal insan adalah satu aspek yang sangat diutamakan oleh bahagian ini. Bagi

tujuan itu berbagai-bagai aktiviti dijalankan seperti latihan dimana setiap anggota mesti menjalani latihan selama tujuh hari dalam setahun. Selain itu keseluruhan Bahagian Pergigian juga telah empat tahun mendapat pensijilan ISO.

#### 4.0 PENGENALAN

Fungsi perkhidmatan pergigian adalah bagi memastikan rakyat mempunyai kesihatan mulut yang sempurna dan dapat berfungsi dengan berkesan (functional), terutama dikalangan kumpulan keutamaan iaitu kanak-kanak pra-sekolah, murid-murid sekolah, kakitangan kerajaan dan ibu-ibu mengandung. Perkhidmatan disalurkan melalui Klinik Pergigian Besar, Klinik Pakar, Klinik Pergigian di Klinik Kesihatan, Klinik Pergigian Bergerak, Pasukan Pergigian Bergerak dan Klinik Pergigian Sekolah.

Semua Perkhidmatan Pergigian Primer kecuali pembuatan dentur diberi percuma kepada kumpulan keutamaan. Kelonggaran dalam bayaran juga diberikan kepada kumpulan yang berpendapatan rendah atau miskin. Pesakit luar dan perkhidmatan kepakaran yang tidak termasuk dalam kategori yang tersebut di atas dikenakan bayaran yang minima.

Pada dasarnya perkhidmatan pergigian yang diberi merangkumi semua lapisan masyarakat dengan khidmat rawatan yang percuma atau bayaran yang minima.

Hasil kerja diukur melalui indikator yang ditetapkan. Terdapat peningkatan hasil kerja dalam tahun 2008 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Dari Jadual 1, jumlah pesakit baru meningkat sebanyak 0.06%, kedatangan 1.03%, tampalan 13.84%, cabutan 5.72% dan gigi buatan separa 15.6% dan gigi buatan penuh 15.62%.

**Jadual 1:** Hasil Kerja 2003-2008

Jumlah Kedatangan	2003	2004	2005	2006	2007	2008	Perubahan Dibanding Tahun 2007
Pesakit Baru	348,046	363,425	368,218	374,054	377,341	377,591	+0.06
Kedatangan	521,651	524,754	540,500	540,872	546,571	552,258	+1.03
Tampalan	92,270	94,672	95,479	90,520	94,668	109,878	+13.84
Cabutan	77,353	81,958	80,753	78,129	80,723	85,622	+5.72
Gigi Buatan Penuh	1,274	868	1,119	1,120	1,071	1,289	+16.91
Gigi Buatan Separata	2,540	2,038	2,251	2,023	2,118	2,510	+15.62

#### 4.1 PERKHIDMATAN PERGIGIAN PRIMER

Perkhidmatan Pergigian Primer diklasifikasikan sebagai perkhidmatan pergigian awam dan perkhidmatan pergigian sekolah.

**Jadual 2:** Jumlah Kedatangan Bagi Rawatan Primer Mengikut Kategori Pesakit

Kategori	Kedatangan	WPKL	WP Putrajaya	Jumlah
Pra Sekolah	Baru	18,508	1,292	25,526
	Ulangan	5,208	518	
	Jumlah	23,716	1,810	
Sekolah Rendah	Baru	150,819	6,780	243,296
	Ulangan	82,866	2,831	
	Jumlah	233,685	9,611	
Sekolah Menengah	Baru	99,476	4,664	120,194
	Ulangan	15,425	632	
	Jumlah	114,901	5,296	
Kanak-Kanak Khas	Baru	1,901	149	2,246
	Ulangan	192	4	
	Jumlah	2,093	153	
Ibu Mengandung	Baru	7,625	1,514	10,234
	Ulangan	721	374	
	Jumlah	8,346	1,888	
Dewasa	Baru	71,095	9,030	130,430
	Ulangan	45,387	4,918	
	Jumlah	116,482	13,948	
Warga Tua	Baru	8,524	142	19,825
	Ulangan	11,007	152	
	Jumlah	19,531	294	
<b>Jumlah</b>	<b>Baru</b>	<b>357,948</b>	<b>23,571</b>	<b>551,754</b>
	<b>Ulangan</b>	<b>160,806</b>	<b>9,429</b>	
	<b>Jumlah</b>	<b>518,754</b>	<b>33,000</b>	

Perkhidmatan pergigian awam adalah untuk semua penduduk manakala pergigian sekolah dikhaskan untuk murid sekolah rendah dan menengah (Tahun 1 hingga Tingkatan 5). Aktiviti khusus juga disediakan untuk kumpulan *toddler*, murid-murid tadika, ibu mengandung, kanak-kanak istimewa, guru-guru pelatih di institut perguruan dan khidmat masyarakat.

Jadual 2 menunjukkan jumlah kedatangan bagi rawatan primer mengikut kategori pesakit. Pada tahun 2008 jumlah pesakit pra sekolah ialah 25,526 orang, sekolah rendah pula seramai 243,296 orang, sekolah menengah 120,197 orang, 2,246 dari kategori kanak-kanak khas, 10,234 orang ibu mengandung dan 130,430 orang dewasa. Jumlah Pesakit warga tua pula ialah 19,825 orang.

## 4.2 HASIL KERJA

Jadual 3 di bawah menunjukkan hasil kerja mengikut jenis-jenis rawatan. Pada tahun 2008, jumlah kumulatif rawatan tampalan adalah sebanyak 109,878 kes, sementara kes cabutan 85,622 dan penskaleraan sebanyak 37,943 kes. Dalam tahun 2008 sebanyak 279,540 kes telah selesai dirawat.

**Jadual 3:** Hasil Kerja Mengikut Jenis Rawatan

	Jum. Sekolah Rendah	Enrolmen	Jum. Sekolah Menengah	Enrolmen
WPKL	194	145,866	92	103,600
WP Putrajaya	8	5,929	6	4,275
<b>Jumlah</b>	<b>202</b>	<b>151,795</b>	<b>98</b>	<b>107,875</b>

Pada tahun 2008, jumlah keseluruhan sekolah kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah sebanyak 202 buah sekolah rendah dan 98 buah sekolah menengah. Jumlah enrolmen sekolah rendah adalah 151,795 orang dan sekolah menengah seramai 107,875 orang (Jadual 4).

**Jadual 4:** Jumlah Sekolah Kerajaan dan Jumlah Enrolmen Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dan Putrajaya

	Tampalan	Cabutan	Penskaleran	Kes Selesai
WPKL	103,609	81,939	35,173	264,645
WP Putrajaya	6,269	3,683	2,761	14,895
<b>Jumlah</b>	<b>109,878</b>	<b>85,622</b>	<b>37,934</b>	<b>279,540</b>

Jadual 5 menunjukkan jumlah rawatan yang telah diberi kepada murid sekolah rendah mengikut jenis rawatan. Dari 151,448 kedatangan, 51,464 rawatan tampalan telah diberikan, manakala 33,921 rawatan cabutan, 12,855 kes penskaleraan dan 148,342 kes telah diselesaikan.

**Jadual 5:** Jumlah Murid Sekolah Rendah Yang Dirawat Mengikut Jenis Rawatan

	Kedatangan	Tampalan	Cabutan	Penskaleran	Kes Selesai
WPKL	145,520	49,524	23,136	12,383	142,440
WP Putrajaya	5,929	1,940	785	472	5,902
<b>Jumlah</b>	<b>151,449</b>	<b>51,464</b>	<b>23,921</b>	<b>12,855</b>	<b>148,342</b>

Bagi sekolah menengah pula, seramai 106,427 orang murid telah diperiksa. Sebanyak 9,515 rawatan tampalan telah diberikan, 950 kes cabutan, 6,172 rawatan penskaleran dan jumlah kes selesai sekolah menengah pada tahun 2008 adalah sebanyak 103,398 kes (Jadual 6).

**Jadual 6:** Jumlah Murid Sekolah Menengah Yang Dirawat Mengikut Jenis Rawatan

	Kedatangan	Tampalan	Cabutan	Penskaleran	Kes Selesai
WPKL	102,152	9,205	941	5,882	99,204
WP Putrajaya	4,275	310	9	290	4,194
<b>Jumlah</b>	<b>106,427</b>	<b>8,710</b>	<b>950</b>	<b>6,172</b>	<b>103,398</b>

Jadual 7 menunjukkan hasil kerja Pegawai Pergigian mengikut jenis rawatan bagi tahun 2008. Jumlah rawatan tampalan yang diberi adalah 42,918 kes, rawatan sealan fisur sebanyak 54, kes komplikasi selepas cabutan sebanyak 415 dan sebanyak 50,513 gigi dicabut.

**Jadual 7:** Jumlah Hasil Kerja Pegawai Pergigian Mengikut Jenis Rawatan

	Tampalan			Sealan Fisur	Komplikasi Selepas Cabutan	Jumlah Cabutan
	Baru	Ulangan	Jumlah			
WPKL	39,403	242	39,645	52	401	48,598
WP Putrajaya	3,515	41	3,556	2	14	1,915
<b>Jumlah</b>	<b>42,918</b>	<b>283</b>	<b>43,201</b>	<b>54</b>	<b>415</b>	<b>50,513</b>

Bagi jururawat pula, jumlah tampalan yang dilakukan adalah sebanyak 66,677 dan jumlah sealan fisur pula sebanyak 9,659 batang gigi dilakukan (Jadual 8).

**Jadual 8:** Jumlah Hasil Kerja Jururawat Pergigian Mengikut Jenis Rawatan

	Tampalan			Sealen Fisur
	Baru	Ulangan	Jumlah	
WPKL	63,744	220	63,964	9,248
WP Putrajaya	2,707	6	2,713	411
<b>Jumlah</b>	<b>66,451</b>	<b>226</b>	<b>66,677</b>	<b>9,659</b>

### 4.3 PENJAGAAN PERGIGIAN *INCREMENTAL*

Perkhidmatan kesihatan pergigian murid-murid sekolah merupakan fokus utama perkhidmatan pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia. Sebahagian besar murid sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berada dalam keadaan *maintenance phase*. Jumlah sekolah rendah adalah 202 buah dan sekolah menengah 98 buah. Semua sekolah-sekolah ini telah berjaya diberikan perkhidmatan. Semua murid yang ada keizinan (consent) daripada ibu/bapa/penjaga untuk mendapat rawatan telah diberi rawatan di bawah *Incremental and Comprehensive Oral Health Care Programme*. Di bawah program ini, setiap murid diberi pemeriksaan pergigian setiap tahun dan yang memerlukan rawatan pula akan diberi rawatan sehingga selesai.

Pada tahun 2008, enrolmen murid sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah seramai 151,795 murid dan dari jumlah tersebut seramai 148,342 (97.2%) orang telah diberikan pemeriksaan pergigian. Dari jumlah yang diperiksa, 65.5% didapati tidak perlu rawatan (TPR) dan 97.2% telah diberi rawatan hingga selesai. Murid-murid yang tidak perlu rawatan telah meningkat sebanyak 4.1% berbanding tahun 2007.

Enrolmen murid sekolah menengah pada tahun 2008 pula seramai 107,875 dan 98.6% telah diperiksa. Dari jumlah yang diperiksa, 85.7% tidak perlu rawatan (TPR) dan 95.8% telah diberi rawatan sehingga selesai. Peratusan yang diperiksa dan TPR meningkat sedikit jika dibandingkan dengan tahun 2007.

#### 4.3.1 Status Karies Murid Berumur 12 Tahun

Pada tahun 2008 seramai 25,9403 murid berumur 12 tahun telah diperiksa. Didapati 11,546 gigi kekal mereka mengalami karies. Dari jumlah ini, 26.4% mengalami karies aktif (D – *decayed*); 1.4% telah tanggal (M – *missing*); 69.6% telah ditampal (F – *filled*) dan 2.6% perlu rawatan terapi kanal akar (*root canal treatment* – RCT) atau dicabut. Jika dibanding dengan tahun 2007, kumpulan ini mengalami karies

aktif yang lebih tinggi (1.2%). Ini bermakna lebih banyak gigi perlu ditampal, tetapi jumlah tampalan yang telah dibuat berkurangan sebanyak 1.7%. Kadar kematian gigi (*tooth mortality* – M+X) lebih kurang sama dengan tahun 2007. Pada keseluruhannya, status karies murid berumur 12 tahun bertambah baik dari tahun ke tahun, tetapi pada tahun 2008 terdapat peningkatan kadar karies, ini digambarkan oleh peningkatan index min DMFX (mean DMFX) dari 0.42 pada tahun 2007 kepada 0.44 pada tahun 2008 (Jadual 9). Prevalen karies gigi kekal bagi kumpulan ini ialah 23.7% iaitu penurunan sebanyak 3.7% dari tahun 2007. Ini bermakna 76.3% murid berumur 12 tahun bebas daripada karies di gigi kekal mereka (Jadual 9).

#### 4.3.2 Status Karies Murid Berumur 16 Tahun

Pada tahun 2008, daripada 20,270 murid berumur 16 tahun yang telah diperiksa, didapati 15,238 batang gigi kekal kumpulan ini mengalami karies gigi. Dari jumlah ini, 15.8% mengalami karies aktif (D) yang perlu tampalan; 5.7 % telah tanggal (M); 75.2% telah ditampal (F) dan 3.3% perlu rawatan terapi kanal akar atau dicabut. Jika dibanding dengan murid tahun 2006, kumpulan ini mengalami karies aktif yang tinggi, kadar tampalan dan kadar *tooth mortality* yang agak rendah sedikit. Pada keseluruhannya index min DMFX menurun sebanyak 0.06 iaitu daripada 0.86 kepada 0.80 (Jadual 9). Prevalen karies gigi kekal murid-murid berumur 16 tahun ialah 33.5% iaitu penurunan sebanyak 2.5% daripada tahun 2007. Ini bermakna 66.5% murid berumur 16 tahun adalah bebas karies (Jadual 9).

**Jadual 9:** Kadar *decayed* (D), *missing* (M), *filled* (F), dan *indicated for extraction* (X) Murid 12 tahun dari 2002 hingga 2008

Tahun	Kedatangan Baru	Jumlah Gigi								Min DMFX	
		D		M		F		X			Jumlah Gigi
		n	%	n	%	n	%	n	%		
2002	23,991	3,524	24.3	133	0.9	10,452	72.2	373	2.6	14,482	0.60
2003	23,926	3,670	26.0	132	0.9	10,005	70.9	295	2.1	14,102	0.59
2004	26,560	3,315	24.8	144	1.1	9,534	71.4	364	2.7	13,357	0.50
2005	25,553	3,494	28.2	167	1.3	8,443	68.1	302	2.4	12,406	0.49
2006	26,026	2,728	21.4	144	1.1	9,473	74.5	346	2.7	12,719	0.49
2007	25,940	2,732	25.2	144	1.1	7,713	71.3	266	2.5	10,825	0.42
2008	26,335	3,044	26.4	162	1.4	8,037	69.6	303	2.6	11,546	0.44




**Jadual 10:** Kadar *decayed* (D), *missing* (M), *filled* (F), dan *indicated for extraction* (X) Murid 16 Tahun, 2002-2008

Tahun	Kedatangan Baru	Jumlah Gigi								Min DMFX	
		D		M		F		X			Jumlah Gigi
		n	%	n	%	n	%	n	%		
2002	19,454	2,960	13.8	1,118	5.2	16,739	77.8	690	3.2	21,507	1.11
2003	19,298	2,753	14.0	1,142	5.9	15,108	77.0	630	3.2	19,633	1.02
2004	19,618	3,060	15.0	873	4.3	15,831	77.6	633	3.1	20,397	1.04
2005	18,679	2,424	14.0	886	5.1	13,550	78.0	508	2.9	17,368	0.93
2006	19,879	2,303	13.4	740	4.3	13,556	79.0	564	3.3	17,161	0.86
2007	19,428	2,222	14.3	717	4.6	12,060	77.8	508	3.3	15,507	0.80
2008	20,270	2,404	15.9	870	5.7	11,456	75.2	508	3.3	15,238	0.75

### 4.3.3 Petunjuk Impak bagi Murid Sekolah Rendah dan Menengah

Petunjuk impak (Impact Indicator) yang digunakan adalah selaras dengan yang dikawalselia oleh Kesatuan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation) iaitu *Mean DMFT* (di mana T bermaksud *Tooth*) murid berumur 12 dan 16 tahun. Bahagian Kesihatan Pergigian, Kementerian Kesihatan telah membuat sedikit penyesuaian dimana komponen M telah dipecah menjadi M (*missing*) dan X (*indicated for extraction*). Ini dilakukan bagi memberi gambaran beban kerja yang

**Rajah 1:** Min DMFX Murid Berumur 12 & 16 Tahun, 1994-2008



lebih tepat. Oleh itu index min DMFT adalah sama dengan index min DMFX. Bagi murid berumur 12 tahun, terdapat peningkatan kesil dalam min DMFX iaitu dari 0.42 ke 0.44 bagi murid berumur 16 tahun pula terdapat penurunan sedikit dari 0.80 kepada 0.75. Pergerakan indeks ini dari tahun 1994 hingga 2008 amatlah membanggakan (Rajah 1). Ia memberi gambaran yang positif berhubung dengan kesihatan pergigian murid sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

#### **4.3.4 Program Bersepadu Sekolah Sihat**

Bahagian Kesihatan Pergigian JKWPKL&P telah bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam mengadakan aktiviti-aktiviti dibawah Program Bersepadu Sekolah Sihat.

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan dan percambahan ilmu kepada murid-murid dalam aspek kesihatan, pengurusan masa belajar dan juga aspek sosial yang sihat.

Terdapat dua aktiviti utama dalam program ini iaitu Kem Motivasi Insan Sihat dan Kuiz Kesihatan. Walau bagaimanapun pada tahun 2008 tiada sebarang aktiviti dijalankan oleh pihak Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Meskipun begitu melalui inisiatif bahagian ini beberapa program promosi kesihatan pergigian seperti pameran dan ceramah telah diadakan di sekolah-sekolah melalui Perkhidmatan Pergigian Sekolah.

#### **4.3.5 Perkhidmatan Pergigian Pra sekolah**

Pada tahun 2008 seramai 20,644 kanak-kanak pra-sekolah telah diberi pendidikan kesihatan pergigian dan 20,553 telah menjalani latihan memberus gigi. Ia merupakan peningkatan sebanyak 2.7% bagi latihan memberus gigi dan bilangan kanak-kanak yang diberikan pendidikan kesihatan pergigian dibanding dengan tahun 2008.

Tahap kesihatan pergigian yang baik bagi murid-murid sekolah rendah telah memberi peluang kepada perkhidmatan *Incremental and Comprehensive Oral Health Programme* dipanjangkan kepada kanak-kanak pra-sekolah dan tadika. Pada tahun 2008, seramai 13,931 murid telah dirawat di bawah perkhidmatan ini berbanding dengan 16,558 murid pada tahun 2007 (penurunan 18.9%).

#### **4.3.6 Perkhidmatan Pergigian Kanak-kanak Keperluan Khas**

Pada tahun 2008, 32 dari 36 sekolah rendah yang mempunyai kanak-kanak dengan keperluan khas telah dilawati. Manakala sebuah sekolah menengah dari 20 dari 21 buah sekolah tidak dilawati. Selain memberi rawatan, tujuan lawatan dibuat adalah untuk berinteraksi dengan kanak-kanak tersebut dan pihak sekolah. Tunjuk ajar

tentang cara-cara penjagaan gigi serta latihan memberus gigi dan sesi ceramah juga telah diadakan.

Pencapaian program kesihatan pergigian kanak-kanak dengan keperluan khas di Wilayah Persekutuan adalah seperti Jadual 11.

**Jadual 11:** Pencapaian Program Pergigian Kanak-kanak dengan Keperluan Khas

Sekolah	Bil. Sekolah	Bil. Sekolah Dilawati	% Liputan Sekolah	Enrolmen	Bil. Diperiksa	% Periksa	Mean DMFX	% TPR	% MBG	% Kes Selesai
Rendah	36	32	78.1	1,336	1,066	79.8	0.6	64.4	82.3	86.2
Menengah	21	20	95.2	1,051	880	83.7	0.4	64.2	79.8	71.6
<b>Jumlah</b>	<b>57</b>	<b>52</b>	<b>86.7</b>	<b>2,387</b>	<b>1,946</b>	<b>81.8</b>	<b>0.58</b>	<b>64.3</b>	<b>81.1</b>	<b>78.9</b>

#### 4.3.7 Penjagaan Pergigian Warga Tua

Daripada lima buah institusi penjagaan warga tua di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, empat buah telah dilawati oleh bahagian ini (75.0%).

Peratus jumlah pesakit warga tua berbanding pesakit baru dewasa adalah meningkat dari tahun 2004 hingga 2008 secara sekata setiap tahun dari 3.1% pada tahun 2004 ke 10.8% pada tahun 2008 (Jadual 12).

**Jadual 12:** Jumlah Pesakit Baru Warga Tua Dari 2004-2008

Tahun	Jumlah Pesakit Baru Dewasa	Jumlah Pesakit Baru Warga Tua	
		n	%
2004	76,337	2,330	3.1
2005	77,804	5,750	7.4
2006	80,274	6,470	8.1
2007	83,467	7,411	8.9
2008	80,125	8,666	10.8

Jadual 13 menunjukkan kedatangan warga tua dimana 4,617 adalah perempuan manakala 4,049 adalah lelaki. Dari jumlah 8,666 orang, 8.7% adalah edontulus dan 54.7% mempunyai gigi kurang dari 20 batang.

**Jadual 13:** Status Mulut Warga Tua Tahun 2008

	Jumlah Pesakit	Status Mulut					
		Jantina		Edentulous		≤ 20 batang	
		Lelaki	Perempuan	Ya	Tidak	Ya	Tidak
KL	8,524	3,987	4,537	739	7,785	3,096	4,689
Putrajaya	142	62	80	14	128	80	48
<b>Jumlah</b>	<b>8,666</b>	<b>4,049</b>	<b>4,617</b>	<b>753</b>	<b>7,913</b>	<b>3,176</b>	<b>4,737</b>

#### 4.3.8 Pemfluoridaan Bekalan Air Minuman

Pemfluoridaan bekalan air awam diparas 0.4-0.6 *part per million* (ppm) merupakan aktiviti pencegahan primer yang sangat berkesan bagi mencegah kejadian karies atau kerosakan gigi. Pemantauan kandungan fluorida dalam bekalan air dibuat di 14 buah klinik pergigian. Pemantauan ini juga dilakukan oleh pihak pembekal air. Tujuan pemantauan yang ketat ini adalah bagi memastikan kandungan fluorida sentiasa menepati paras yang ditetapkan. Bekalan air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengandungi paras fluorida sebagaimana yang telah ditetapkan.

Bekalan air awam bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kebanyakannya dibekalkan oleh loji-loji air dari negeri Selangor. Hanya terdapat dua buah loji air di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu Loji Air Bukit Nanas dan Wangsa Maju.

#### 4.3.9 Program Kesihatan Pergigian Guru Pelatih

Terdapat empat buah Institut Perguruan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti dalam Jadual 14. Semua Institut Perguruan tersebut telah mengadakan Program Kesihatan Pergigian. Aktiviti-aktiviti yang diadakan termasuklah pemeriksaan pergigian ceramah, bengkel penyediaan rancangan pelajaran harian, *role play* dan pemilihan raja dan ratu gigi.

Seramai 1,212 orang pelatih terlibat dan 20 set rancangan pelajaran harian dan 7 bilangan alat bantuan mengajar telah dihasilkan. Status kesihatan pergigian mereka adalah seperti dalam Jadual 13 dimana kadar kejadian karies adalah tinggi.

#### 4.3.10 Sealan Fisur

Aktiviti Sealan Fisur merupakan aktiviti pencegahan klinikal untuk murid sekolah rendah. Pada tahun 2008, seramai 151,449 murid sekolah rendah telah diperiksa dan 5,574 murid didapati memerlukan sealan fisur. Bilangan gigi yang memerlukan sealan fisur adalah sebanyak 9,325 batang, dimana 9300 batang gigi telah dirawat melalui kaedah ini yang melibatkan seramai 5,557 murid (Jadual 15).

**Jadual 14:** Status kebersihan mulut pelatih-pelatih maktab yang mengikuti program kesihatan pergigian

Institut Perguruan	Bil. Guru Pelatih Diperiksa	Mulut Bersih n (%)			Mean DMFX	% Perlu Penskaleran	Perlu Dentur n (%)	% BK	% TPR
		A	C	E					
Institut Perguruan Bahasa Melayu Malaysia Kuala Lumpur	277/ 302 (85.3)	154 (55.6)	113 (18.4)	10 (3.6)	4.8	102 (36.8)	19 (6.8)	52 (18.8)	107 (62.1)
Institut Perguruan Ilmu Khas Cheras Kuala Lumpur	447/ 463 (96.5)	114 (25.5)	211 (47.2)	122 (27.3)	4.1	333 (74.5)	94 (21.0)	54 (12.1)	220 (49.2)
Institut Perguruan Teknik Cheras Kuala Lumpur	397/ 414 (95.9)	222 (55.9)	150 (37.8)	23 (5.8)	3.8	158 (39.8)	21 (5.3)	38 (9.6)	190 (4.8)
Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa Malaysia Kuala Lumpur	81/ 115 (70.4)	73 (90.1)	7 (8.6)	1 (1.2)	3.3	7 (8.6)	0	22 (4.5)	64 (79.0)
<b>Keseluruhan</b>	<b>1212/ 1294 (93.7)</b>	<b>563 (43.5)</b>	<b>481 (37.1)</b>	<b>156 (12.1)</b>	<b>3.8</b>	<b>600 (46.4)</b>	<b>134 (10.3)</b>	<b>166 (12.8)</b>	<b>581 (44.9)</b>

**Jadual 15:** Keperluan rawatan dan rawatan selan fisur yang diberikan

Tahun	Bil. Murid Diperiksa	Keperluan Rawatan Selan Fisur			Selan Fisur Yang Diberi			
		Bilangan Murid	Bilangan Gigi	% Murid	Murid		Gigi	
					Ulangan	%	Bilangan	%
2005	156,488	1,964	3,446	1.3	1,276	65.0	2,374	68.9
2006	154,983	1,876	3,110	2.0	1,357	72.3	2,261	72.7
2007	154,929	2,550	4,350	1.6	2,183	85.6	3,759	86.4
2008	151,449	5,574	9,325	3.7	5,557	99.7	9,300	99.7

#### 4.3.11 Promosi Kesihatan Pergigian dan Pencegahan Penyakit Pergigian

Aktiviti-aktiviti promosi kesihatan pergigian dan pencegahan penyakit pergigian merupakan aktiviti utama bagi murid tadika. Sebanyak 368 buah tadika kerajaan dan 94 buah tadika swasta telah diliputi. Ini merupakan peningkatan sebanyak 18 buah tadika kerajaan dan penurunan sebanyak tiga buah tadika swasta jika dibanding dengan tahun 2007. Aktiviti yang dijalankan termasuk ceramah, latihan memberus gigi (LMG), *role play* dan pertunjukan boneka. Setiap tadika kerajaan dilawat sekurang-kurangnya dua kali setahun.

Ceramah pergigian (DHE) juga telah diberi kepada 94.0% (142,361) murid sekolah rendah, 31.7% (33,737) murid sekolah menengah. Kadar murid sekolah rendah yang menerima ceramah menurun sebanyak 4.2% dan murid sekolah menengah meningkat sebanyak 8.1% dibanding dengan tahun 2007 (Jadual 16).

Kadar murid sekolah rendah yang diberi LMG menurun sebanyak 2.4%. Aktiviti promosi kesihatan pergigian seperti pameran, pertunjukan boneka, pertandingan melukis poster dan pemeriksaan pergigian percuma juga diadakan di sekolah sekolah, maktab perguruan dan di beberapa tempat tumpuan aktiviti khidmat masyarakat seperti di Flat Sri Selangor, Padang DBKL Jinjang Utara, Dewan Orang Ramai Jinjang Selatan Tambahan, Flat Sri Sabah, Desa Tun Razak, Balai Polis Bukit Aman dan Sempena Majlis Pelancaran Hari Tanpa Tembakau Sedunia Peringkat Kebangsaan.

**Jadual 16:** Pencapaian Perkhidmatan Pergigian Sekolah, 2004-2008


Kategori	Tahun	Enrolmen	Kedatangan Baru		Kes Selesai (%)	TPR (%)	DHE (%)	LMG (%)
			Bilangan	(%)				
Sekolah Rendah	2004	158,639	157,278	99.1	96.4	56.6	91.6	90.8
	2005	158,977	157,597	99.1	96.9	57.8	92.5	91.9
	2006	155,520	154,983	99.7	97.0	62.1	96.5	93.5
	2007	155,520	154,929	99.6	97.3	66.0	98.2	95.8
	2008	151,795	151,448	99.8	98.0	65.5	94.0	93.4
Sekolah Menengah	2004	105,617	100,446	95.1	95.5	81.0	27.9	-
	2005	108,181	103,362	95.5	96.3	85.8	26.7	-
	2006	104,920	103,478	98.6	96.4	86.2	27.0	-
	2007	107,208	105,783	98.7	96.0	85.9	24.6	-
	2008	107,875	106,427	98.7	97.2	85.7	31.7	-

## 4.4 PERKHIDMATAN PERGIGIAN KEPAKARAN

### 4.4.1 Perkhidmatan Ortodontik

Perkhidmatan Kepakaran Ortodontik disediakan di Klinik Pergigian Cahaya Suria, Bangsar dan Dato' Keramat. Perkhidmatan ini dikendalikan oleh lima orang pakar ortodontik dan diketuai oleh seorang Pakar Perunding Kanan Ortodontik (Gred Khas C). Pada keseluruhannya pencapaian untuk tahun 2008 menunjukkan peningkatan bagi kesemua kategori kedatangan. Kategori kedatangan baru mencatatkan peningkatan sebanyak 6.3% (daripada 4,466 kepada 4,494 kes) begitu juga kedatangan ulangan meningkat sebanyak 49.0% (daripada 10,461 kepada 15,606 kes) (Rajah 2). Jumlah kedatangan ialah 20,100 pesakit.

**Rajah 2:** Bilangan Kedatangan ke Klinik Pakar Ortodontik




### 4.4.2 Perkhidmatan Periodontik

Perkhidmatan kepakaran Periodontik hanya terdapat di Klinik Pergigian Cahaya Suria dan unit tersebut diketuai oleh seorang Pakar Perunding Kanan Periodontik (Gred Khas C). Di bawah jagaan beliau, terdapat seorang Pakar Periodontik U52, dua orang Jururawat Pergigian U29, empat orang Pembantu Pembedahan Pergigian U17 dan seorang U3. Terdapat juga dua orang Pegawai Pergigian Tahun Pertama U41 yang membuat latihan selama dua bulan setiap seorang sepanjang tahun 2008.

Unit ini juga merupakan tempat penempatan siswazah lanjutan program *MClinDent* (Periodontology) Universiti Malaya, dan pusat latihan untuk kursus posbasik periodontik untuk jururawat pergigian semasa tahun akhir program mereka.

**Rajah 3:** Bilangan Kedatangan ke Klinik Pakar Periodontik



Jumlah kedatangan baru kes periodontik ialah 689 kes di mana menurun sedikit berbanding tahun 2007 (724 kes). Walau bagaimanapun kedatangan ulangan meningkat sebanyak 53.4% iaitu dari 1,452 orang kepada 2,228 orang (Rajah 3). Terdapat 2 kategori rawatan yang dijalankan. Pertama, rawatan oleh Jururawat Pergigian Pos-basik Periodontik, yang merangkumi *Oral Hygiene Instructions, scaling* dan *root debridement*. Kedua, rawatan oleh Pakar Periodontik termasuk *flap surgery, gingivectomy, frenectomy, tissue regeneration, LASER surgery, crown lengthening, splinting, periodontal plastic surgery* dan *implant*.


#### 4.4.3 Perkhidmatan Bedah Mulut

Klinik Pakar Bedah Mulut terletak di Hospital Putrajaya dan diketuai oleh Pakar Perunding Bedah Mulut U54. Sepanjang tahun 2008, seramai 927 kes baru telah direkodkan penurunan sebanyak 2.3% berbanding tahun 2007 (948). Walau bagaimanapun kes ulangan meningkat sebanyak 66.3% telah direkodkan. Jumlah pesakit wad yang dirawat ialah 149 orang. Di antara pembedahan yang dilakukan termasuklah pembedahan kecil (344 kes), pembedahan besar (19 kes), kes trauma (148 kes), dan lain-lain kes (1,2047 kes). Pada keseluruhannya penggunaan fasiliti di klinik ini bertambah dari tahun ke tahun.


#### 4.4.4 Perkhidmatan Restoratif

Pada tahun 2007 terdapat empat orang pakar restoratif di mana seorang masing-masing di Klinik Pergigian Jinjang dan Klinik Pergigian Tanglin dan dua orang di Klinik Pergigian Putrajaya. Kes-kes restoratif yang dikendalikan termasuklah endodontik (242 kes), Implan (26 kes), prostetik (389 kes) tampalan kompleks (776



**Rajah 4:** Bilangan Kedatangan ke Klinik Pakar Bedah Mulut

kes) dan lain-lain rawatan yang ditawarkan (1,315 kes). Disebabkan permintaan yang terlalu tinggi untuk rawatan endodontik, senarai menunggu telah diwujudkan; kes-kes yang rumit dan ulangan sahaja diterima.


**Rajah 5:** Bilangan Kedatangan ke Klinik Pakar Restoratif

#### 4.5 MAKLUMBALAS PELANGGAN

Sebanyak 533 borang maklumbalas telah diterima sepanjang Januari hingga Disember 2008 melalui peti cadangan. Dari jumlah ini 508 (95.3%) memberi respon kepada perkhidmatan kaunter pendaftaran dan 498 (93.4%) memberi respon kepada pemeriksaan doktor.

Kira-kira 3.6% responden kepada perkhidmatan kaunter tidak berpuas hati dengan perkhidmatan ini, iaitu menurun sebanyak 0.3% dan 9.0% responden kepada pemeriksaan doktor tidak berpuas hati dengan perkhidmatan ini, iaitu menurun sebanyak 4.7%. Pada keseluruhannya hanya 3.0% pelanggan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Bahagian Perkhidmatan Pergiian (Rajah 6).

Rajah 6: Peratus Kepuasan Pelanggan Tahun 2008



#### 4.6 PENGEMBANGAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Aktiviti-aktiviti Pengembangan Profesional Berterusan yang dijalankan oleh bahagian ini adalah berteraskan kepada kursus, seminar dan bengkel disamping perbincangan seperti aktiviti *Journal Club* dan juga *hand on*.

Program-program yang dijalankan adalah kursus, bengkel dan seminar yang bersijil di mana semua 38 (100.00%) kursus yang dirancang telah dijalankan di mana seramai 1,350 peserta telah mengikutinya. Selain itu anggota digalakan untuk

menghadiri kursus, bengkel dan seminar yang tidak bersijil oleh bahagian. Di antara programnya ialah ceramah kesedaran ISO, *Journal Club* dan taklimat-taklimat yang diadakan di peringkat klinik.

Selain dari mengikuti program anjuran bahagian ini, kakitangan bahagian ini juga dihantar untuk mengikuti kursus, seminar, bengkel dan konferen di institusi-institusi lain seperti INTAN, Universiti, IPTA, Persatuan-persatuan Profesional dan lain-lain organisasi yang bersesuaian dengan keperluan jabatan.

## **4.7 INISIATIF KUALITI BERTERUSAN**

### **4.7.1 MS ISO9001:2000**

Kepuasan hati pelanggan sentiasa menjadi tumpuan perkhidmatan pergigian. Prosedur kualiti telah diwujudkan bagi memastikan perkhidmatan pergigian dikendalikan dengan lancar serta membolehkan penambahbaikan yang berterusan demi kepuasan hati pelanggan. Dasar kualiti telah diwujudkan dan disebarikan kepada semua anggota. Dasar kualiti bahagian pergigian ialah: *Kami berazam serta komited untuk memberi perkhidmatan pergigian yang profesional bersesuaian dengan MS ISO9001:2000 yang mampu memberi kepuasan pelanggan secara berterusan.*

Tahun 2007 merupakan tahun keempat pensijilan MS ISO diperolehi oleh itu audit Pensijilan Semula (Recertification Audit) telah diadakan oleh pihak SIRIM QAS pada 26-29 November 2007. Terdapat 3 NCR telah dibangkitkan. Tindakan pembedahan dan bukti pelaksanaan telah dikemukakan kepada pihak SIRIM.

## **4.8 PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR**

Pada tahun 2007 banyak penambahbaikan klinik telah dijalankan untuk memastikan keselesaan pelanggan. Walau bagaimanapun tiga kerja penambahbaikan yang besar telah dilakukan di Klinik Pakar Ortodontik Cahaya Suria, Klinik Pakar Periodontik Cahaya Suria dan Klinik Pakar Ortodontik Dato' Keramat.

Unit ortodontik di tingkat tiga Klinik Pergigian Cahaya Suria telah dibesarkan dengan menggabungkan stor jabatan yang telah berpindah ke ibu pejabat di kompleks Pejabat Kesihatan Wilayah Persekutuan. Dengan pengubahsuaian itu telah menambahkan tiga kerusi pergigian.

Bagi Unit Periodontik yang berada di tingkat dua Klinik Pergigian Cahaya Suria juga mengalami pengubahsuaian membesarkan klinik tersebut dengan menambah ruang pejabat dan ruang surgeri dengan menggabungkan yang dahulunya klinik kanak-kanak.

Bagi unit ortodontik Dato' Keramat ia melibatkan pengubahsuaian dan pembesaran bilik rawatan dan penambahan 2 unit pergigian.

Klinik-klinik lain yang terlibat dengan kerja-kerja pengubahsuaian yang agak besar termasuklah Klinik Putrajaya, Cheras Baru, Dato' Keramat dan Petaling Bahagia.

#### **4.8.1 Rancangan Malaysia Ke-9**

Lima projek yang terdiri daripada 4 buah klinik pergigian sekolah rendah dan 1 pasukan pergigian bergerak prasekolah yang diperuntukan dalam tahun 2008 telah disiapkan. Projek-projek tersebut ialah KP SJK(C) Chin Woo K.Lumpur, SK Pengkalan Tentera Darat, Sungai Besi, KP SK Bangsar, KP SRK R10 Wangsa Maju dan Pasukan Pergigian Bergerak Pra Sekolah, Cheras Baru.

## **4.9 KAJISELIDIK**

Selain dari memberikan perkhidmatan rawatan, pencegahan dan promosi kesihatan pergigian, bahagian ini juga menjalankan projek penyelidikan, *Health System Research Italic* dan *Quality Assurance* dengan tujuan menambahbaikan perkhidmatan. Pada tahun 2008, sebanyak duabelas kajiselidik dijalankan dibentangkan dan diterbitkan. Kajiselidik ini dijalankan oleh Pegawai-pegawai Kesihatan Awam, Kepakaran Ortodontik dan Kepakaran Periodontik dan juga Jururawat pergigian.

## **4.10 AKTIVITI KHIDMAT MASYARAKAT**

Masalah pergigian boleh dicegah secara berkesan dengan pengetahuan, sikap, dan praktis individu kearah kesihatan pergigian yang betul. Dengan mengambil langkah pencegahan juga, seseorang individu bukan sahaja dapat mengelakkan penyakit-penyakit pergigian tetapi juga dapat menjimatkan perbelanjaan, masa individu tetapi juga satu aktiviti yang mudah dan selesa.

Dengan itu bahagian ini mengambil langkah proaktif dengan membuat promosi kesihatan pergigian terus kepada masyarakat secara pakej melalui Aktiviti Khidmat Masyarakat. Secara umumnya objektif aktiviti ini adalah untuk:

- Mendekatkan masyarakat kepada Perkhidmatan Pergigian.
- Mendedahkan anggota pergigian kepada situasi sebenar keadaan kesihatan pergigian masyarakat.
- Memberi dorongan tentang kepentingan pergigian sebagai sebahagian dari kesihatan secara keseluruhan.
- Memberikan khidmat nasihat tentang pencegahan, rawatan dan rehabilitasi pergigian.
- Memberikan panduan tentang perkhidmatan pergigian kerajaan dan swasta.
- Memberi pengetahuan, menanamkan sikap dan menunjuk ajar praktis penjagaan pergigian yang betul.
- Memberikan rawatan kecemasan pergigian yang diperlukan.

#### 4.11 PENERBITAN

Bahagian Kesihatan Pergigian mempunyai Unit Penerbitan, yang menerbitkan buletin KORONA setiap tiga bulan sekali. Buletin KORONA yang mempunyai 16 halaman bersaiz kertas A5 diedarkan kepada kakitangan bahagian ini dan juga kepada TPKN semua negeri disamping juga kepada semua pejabat Pegawai Pergigian Kanan Pergigian di seluruh Malaysia. Setiap terbitan sebanyak 250 cetakan dikeluarkan. Kandungannya adalah berbagai dari pergerakan kakitangan, aktiviti bahagian, pendidikan pergigian berterusan, akta dan peraturan, motivasi dan rencana berkaitan *human interest*. Buletin KORONA ini adalah berdaftar dengan Perpustakaan negara dan mempunyai ISBNnya tersendiri. Selain itu juga modul latihan, buku aturcara dan pamflet-pamflet juga diterbitkan oleh unit ini.

#### 4.12 RUMUSAN

Pada keseluruhannya, pencapaian perkhidmatan pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur amatlah mengalakkan. Min DMFX murid berumur 12 tahun dan 16 tahun terus menurun dari tahun ke tahun. Peningkatan kesihatan berterusan murid sekolah ini telah memberi lebih peluang bagi merawat kanak-kanak tadika secara *incremental* dan *comprehensive*. Pendekatan ini serta peningkatan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan pergigian dan aktiviti pencegahan penyakit pergigian akan terus menjamin kesihatan pergigian murid sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Bagi perkhidmatan pesakit luar dan kepakaran, jumlah penduduk yang menggunakan perkhidmatan pergigian sentiasa meningkat. Usaha mengembangkan pensijilan MS ISO 9001:2000 kepada semua pejabat dan klinik pergigian telah

membawa hasil positif. Kini semua pejabat dan klinik pergigian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk Putrajaya telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2000. Bagi memastikan perkhidmatan pergigian yang bertahap cemerlang usaha penambahbaikan berterusan akan sentiasa dijalankan.

Kecekapan dan kemahiran anggota pergigian sentiasa diberi perhatian melalui latihan-latihan yang bersesuaian terutama sekali dalam menerapkan budaya kerja cemerlang. Pihak pengurusan sedar bahawa pada dasarnya imej perkhidmatan pergigian terletak pada kualiti, sikap dan tingkahlaku anggotanya, terutama mereka yang berada di barisan depan.

**Gambar 1:** Aktiviti Bergambar Bahagian Pergigian



Mesyuarat Ketua Unit Bahagian Pergigian.



Kursus Kerja Berpasukan di Port Dickson.



Persembahan Koir Bahagian Pergigian di Hari Kualiti dan Anugerah Khidmat Cemerlang.



Rombongan Pelawat dari United Kingdom ke Klinik Pergigian Setapak.



Persembahan dan Penilaian Projek Inovasi.



Bengkel Multimedia Photoshop.



Rombongan Pelawat dari Sarawak ke Pejabat  
TPK (G), JKWPKL&P.



Majlis Persaraan Anggota Bahagian Pergigian.